

08 JAN 2002

CASH SAMBUT BAIK SISTEM BELANJAWAN DUA TAHUN

KOTA KINABALU, 8 Jan (Bernama) -- Persatuan Pengguna Sabah dan Labuan (Cash) menyokong pelaksanaan sistem belanjawan dua tahun seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Presiden Cash Patrick Sindu berkata sistem itu yang juga digunapakai di beberapa negara maju, akan memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual.

"Ia akan mengambil masa untuk melaksanakan projek-projek tertentu dalam masa setahun... banyak proses yang mengambil masa perlu dilakukan dan apabila projek itu sudah siap untuk pelaksanaan, ia sudah sampai hujung tahun," katanya semasa dihubungi.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata sistem belanjawan dua tahun itu bertujuan mempercepatkan pelaksanaan projek dengan belanjawan pertama untuk pelaksanaan sebenar manakala belanjawan kedua bagi mengenal pasti projek-projek yang hendak dilaksanakan pada tahun berikutnya, dengan semua prosedur dilaksanakan pada tahun pertama.

Patrick berkata sistem belanjawan dua tahun itu juga penting bagi Sabah yang memerlukan banyak projek pembangunan.

-- BERNAMA

JS LAT